



Sinar Harian
15-Jan-2010
 Page: 18
 Business & Finance
 Region: Selangor
 Circulation: 92000
 Type: Malaysia - Malay Newspapers
 Size: 195.28 sq.cms
 Frequency: MTWTF

Dana CIMB Principal fokus 4 segmen utama

CIMB Principal Asset Management Berhad (CIMB Principal) memperkenalkan Dana Ekuiti Komoditi Global Islam yang memfokuskan empat segmen utama.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, J Campbell Tupling berkata, segmen utama berkenaan adalah tenaga, pertanian, keluli dan tenaga boleh diperbaharui.

Menurutnya, ia ditawarkan pada saiz 600 juta unit dan bernilai RM 150 juta, pada harga RM0.25 seunit.

"Dana Ekuiti Komoditi Global Islam itu juga dilihat sebagai strategi mempromosikan konsep perbankan Islam berlandaskan

Syariah di samping menyediakan kepelbagaian dalam peluang pelaburan.

"Peluang ini boleh dianggap sebagai pelaburan bijak kerana ianya stabil, kurang terjejas jika berlaku krisis ekonomi dan permintaan sentiasa meningkat," katanya selepas melancarkan dana berkenaan di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Pelaburan, Tang Chee Kin, Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Wealth Advisor Berhad, Tang Beng Wah dan Pengarah Serantau Jualan Konsumer dan Pengedaran, Engku Fauzan Engkau Muhsein.

Tupling berkata, beliau

menjangkakan dana akan meningkatkan antara 10 hingga 15 peratus ke atas pulangan dana Syariah komoditi global.

Menurutnya, peningkatan itu dijangka akan berlaku dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

"Saya yakin dengan sasaran ini kerana sektor komoditi berpotensi besar dalam menjana pendapatan dan menjadi sumber utama ekonomi negara.

"Ini adalah pelan jangka panjang kami dalam membantu meningkatkan sektor komoditi. Dana ini menyumbang 70 peratus ke atas nilai aset tetap ekuiti syariah," katanya.



● Dari kiri: Engku Fauzan, Tupling, Beng Wah dan Chee Kin pada majlis pelancaran Dana Ekuiti Komoditi Global Islam di Kuala Lumpur semalam.

Foto: ABDUL LATIFF ZAKARIA